

Pisahkan Ramadan dengan sikap membazir

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Ramadan adalah bulan penuh berkat, di mana umat Islam diwajibkan berpuasa dan diingatkan untuk bersederhana serta bersyukur atas nikmat diberikan Allah SWT.

Namun, masalah pembaziran makanan semakin ketara, terutama ketika berbuka puasa. Pembaziran makanan bukan sahaja memberi impak ekonomi keluarga, tetapi merosakkan alam sekitar dan keselamatan makanan global.

Oleh itu, penting bagi masyarakat untuk menangani isu ini secara serius. Di Malaysia, pembaziran makanan menjadi masalah yang agak serius.

Berdasarkan kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), rakyat Malaysia membazirkan 16,000 tan makanan sehari, dengan kos kira-kira RM5.6 bilion setahun.

Pada Ramadan, sekitar 30 peratus makanan disediakan berbuka puasa berakhir di tong sampah.

Secara global, Laporan Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO) 2020 menunjukkan 1.3 bilion tan ma-

kanan dibazirkan setiap tahun, dengan sepertiga dibazirkan ketika penyediaan makanan, termasuk pada Ramadan.

Ada beberapa faktor utama pembaziran makanan, termasuk kurangnya perancangan teliti isi rumah, sifat tamak serta budaya membeli lebih banyak makanan daripada diperlukan.

Di bazar Ramadan dan restoran, banyak makanan dibazirkan apabila jumlah pelanggan berkurang. Kurangnya kesedaran mengenai impak pembaziran makanan turut memburukkan lagi masalah ini. Makanan berlebihan sering tidak dimanfaatkan semula dan akhirnya dibuang.

Perlu disedari, pembaziran makanan memberi impak besar kepada ekonomi keluarga kerana ia membabitkan wang dibelanjakan untuk makanan tidak dimakan.

Selain itu, pembaziran makanan juga menjejaskan keselamatan makanan global, kerana makanan yang masih boleh dimakan dibazirkan sedangkan ada golongan kelaparan.

Proses penghasilan makanan juga menggunakan sumber penting seperti air, tenaga dan tanah. Pembaziran ini menyumbang kepada peningkatan gas rumah hijau, memberi kesan buruk terhadap alam sekitar dan perubahan iklim.

Maka, bagi mengurangkan pembaziran makanan, beberapa langkah mitigasi boleh diambil.

Pertama, perancangan makanan teliti boleh mengelakkan pembelian berlebihan. Mengetahui jumlah makanan diperlukan membantu individu dan isi rumah mengelakkan pembaziran.

Selain itu, sisa makanan dimanfaatkan semula, contohnya dengan mengolahnya menjadi hidangan lain seperti nasi lebihan dijadikan nasi goreng.

Pendidikan mengenai pembaziran makanan melalui kempen kesedaran juga penting untuk mengubah tabiat masyarakat. Menderma makanan kepada golongan memerlukan boleh mengurangkan pembaziran.

Program seperti Food Bank Malaysia berjaya mengedarkan makanan kepada golongan miskin, manakala inisiatif seperti 'restoran bergerak' mengumpul makanan tidak terjual untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Program ini bukan sahaja membantu golongan miskin, tetapi mengurangkan pembaziran makanan dalam kalangan masyarakat bandar dan luar bandar.

Kesimpulannya, pembaziran makanan pada Ramadan adalah isu yang perlu diberi perhatian serius semua pihak daripada individu, isi rumah sehinggalah komuniti.



Ketua Laboratori
Belia Dalam
Kepimpinan, Politik
dan
Kewarganegaraan,
Institut Pengajian
Sains Sosial,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)